

U B308 AAB
MAHATHIR-DAP

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS DAP KERANA MENGGUNAKAN SENTIMEN ANTI-MELAYU DI KALANGAN MASYARAKAT CINA BAGI MENDAPATKAN POPULARITI.

KATANYA DAP PARTI ANTI-MELAYU YANG TEBAL YANG MENGGUNAKAN ISU-ISU YANG BOLEH MEMBANGKITKAN KEBENCIAN ORANG CINA TERHADAP ORANG MELAYU SEBAGAI ASAS POPULARITINYA.

+SELEPAS MEMBAKAR HATI ORANG CINA TERHADAP ORANG MELAYU DAN MENOLAK KONSEP KERJASAMA ANTARA KAUM ANJURAN BARISAN NASIONAL, LIM KIT SIANG (SETIAUSAHA AGUNG DAP) KONONNYA MAHU POLIRASASI KAUM DIKURANGKAN+, KATA BELIAU KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI HARI INI.

MENURUT PERDANA MENTERI, ADALAH ANEH SEKALI SERUAN SEBEGITU DATANGNYA DARIPADA DAP YANG SELAMA INI MENENTANG SEGALA USAHA PERPADUAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERTANYA APAKAH PERWAKILAN DAP DALAM DEWAN RAKYAT YANG TIDAK MEMPUNYAI SEORANG WAKIL MELAYU PUN MENCERMINKAN KEUDUDKAN KAUM-KAUM DI NEGARA INI.

+DENGAN TIDAK SEORANG PUN DARI WAKIL RAKYAT DAP DI DEWAN RAKYAT TERDIRI DARIPADA ORANG MELAYU, APAKAH BAGI DAP TIDAK ADA ORANG MELAYU DI MALAYSIA INI?+, TANYA BELIAU LAGI. -- LAGI.

1248MST 18 09 86

D499

U B311 AAB
MAHATHIR-DAP 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEKIRANYA DAP HENDAK BERCAKAP MENGENAI PERKAUMAN, LEBIH BAIK PARTI ITU TUMPUKAN KEPADA PAS YANG TEBAL PERKAUMAN MELAYUNYA.

KATANYA UMNO SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN ORANG BUKAN MELAYU SEHINGGA DALAM KAWASAN DI MANA ORANG MELAYU MERUPAKAN MAJORITI PUN, IA SANGGUP MENYOKONG CALON BUKAN MELAYU DARIPADA PARTI KOMPONEN BN SEHINGGA MENANG.

BELIAU BERKATA KALAU HARI INI SETELAH PILIHAN RAYA DIADAKAN TERDAPAT ORANG MELAYU, IBAN, KADAZAN DAN LAIN-LAIN KAUM BUMIPUTERA DI SAMPING ORANG CINA DAN INDIA DI SEBELAH KERAJAAN DAN DALAM KABINET, SEBABNYA IALAH KERANA ADA BN DAN KERANA BN DISERTAI OLEH UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG YANG MEMANG ANTI-ESTABLISHMENT SENTIASA Mencari ALASAN TENTANG SEBAB-SEBAB MENGAPA RAKYAT TIDAK AKAN MENYOKONG PARTI KERAJAAN.

SEPERTI JUGA DENGAN PARTI LAWAN, MEREKA AKHIRNYA PERCAYA DENGAN PROPAGANDA MEREKA SENDIRI DAN YAKIN BN AKAN KEHILANGAN BANYAK KERUSI DAN TIDAK LAGI AKAN BERKESAN APABILA MENUBUHKAN KERAJAAN. -- LAGI.

1248MST 18 09 86

U B312 AAB
MAHATHIR-DAP 3 KUALA LUMPUR

KATANYA SETELAH MENDAPATI RAMALAN MEREKA TIDAK MENJADI KENYATAAN, MEREKA SEKARANG ASYIK PULA MENGANALISA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM LEPAS UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA TEKAAN MEREKA TEPAT DAN BN TIDAK MENANG SEPERTI YANG DICERMINKAN DENGAN BILANGAN KERUSI YANG DIMENANGI.

+HASIL USAHA MENIPU DIRI INI IALAH DAKWAAN MEREKA BAHAWA SEBENARNYA 43 PERATUS RAKYAT MENYOKONG PARTI LAWAN DAN HANYA 57 PERATUS SAHAJA YANG MENYOKONG BARISAN.

+ADA YANG BERKATA KEMENANGAN BN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU ADALAH BEGITU KECIL SEOLAH-OLAH KELEBIHAN KECIL ITU TIDAK BERMAKNA KEMENANGAN.+

BELIAU BERKATA PARTI-PARTI LAWAN PUN BERSETUJU DENGAN ANDAIAN INI DAN DAP TERUS MENDAKWA BAHAWA PIHAK PEMBANGKANG MEMPEROLEHI 43 PERATUS UNDI.

TAMBAHNYA YANG MEREKA LUPAI IALAH 24 ANGGOTA DEWAN RAKYAT DARIPADA DAP TIDAK MENDAPAT 43 PERATUS UNDI KERANA RAMAI DARIPADA 43 PERATUS PENGUNDI BERKENAAN SEBENARNYA MENYOKONG PARTI-PARTI PEMBANGKANG LAIN DAN CALON-CALON BEBAS YANG TIDAK SECUCUK DENGAN DAP.

SEBALIKNYA BN MENDAPAT 57 PERATUS DAN PERATUSAN INI DICAPAI OLEH BN TANPA BERKONGSI DENGAN PARTI-PARTI LAIN. -- BERNAMA.

1253MST 18 09 86